

# Sampah negara 'kian menggunung'

» Purata penjanaan bahan buangan cecah 30,000 tan sehari

BIH 20/1/14 MS 10




**Halimah menampal pekat kereta** sambil diperhatikan Ab Rahim (kanan) di Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO SURIANIE MOHD HANIE/BH]

## Jumlah sampah dibuang rakyat Malaysia

- 30,000 tan sampah sehari, boleh mampat 1,500 kontena berkapasiti 20 tan setiap satu
- Susunan 1,500 kontena mencapai 9 kali ganda ketinggian Menara Berkembar Petronas.
- Ketinggian Menara Berkembar Petronas 451.9 meter
- 30,000 tan sampah dalam kontena mencapai ketinggian 4,050 meter
- Setiap kontena setinggi 2.7 meter

**RM1.2 bilion kos pengurusan sampah setahun mampu bina 18,000 unit Rumah Mesra Rakyat (RMR) bernilai RM65,000 seunit.**



diperluaskan ke seluruh negara dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan.

Turut hadir pada majlis perasmian itu Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA), Datuk Ab Rahim Md Noor.

Halimah berkata, amalan pengurusan sampah penduduk negara ini juga masih rendah apabila hanya 10 peratus sampah dikitar semula.

“Pada 2020, kita menjangkakan sampah kitar semula akan meningkat kepada 22 peratus,” katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kerajaan setakat ini tidak

bercadang mengenakan denda atau penguatkuasaan lebih ketat seperti negara lain kepada individu yang membuang sampah merata-rata.

“Memberi kesedaran terhadap amalan betul dalam menguruskan sampah dan gaya hidup harian yang mengutamakan kebersihan adalah lebih penting,” katanya.

Katanya, kempen itu bertujuan memberi kesedaran kepada pengguna jalan raya khususnya pemandu kereta terhadap kesan membuang sampah di jalan raya.

“Masalah ini wajar diberi perhatian serius kerana ia memberi kesan negatif kepada

kawasan tumpuan utama lebih-lebih lagi jalan raya sekitar bandar. Bukan saja membahayakan pengguna lain tetapi juga merosakkan pemandangan,” katanya.

Beliau berkata, tahun lalu, negara mempunyai 471 kawasan panas sampah haram yang sering menjadi tumpuan dan pihaknya berjaya mengurangkan kepada 272 lokasi, iaitu 58 peratus.

Katanya, Kuala Lumpur mencatatkan baki kawasan panas sampah haram berulang yang tertinggi iaitu 199 lokasi, manakala Seremban kini mencapai sifar masalah itu.

Negara kini disifatkan menghampiri tahap kritikal, untuk menampung bahan buangan berikutan purata penjanaan 800 gram sampah sehari oleh setiap penduduk.

Penjanaan sampah bagi setiap penghuni bandar khususnya di Kuala Lumpur, mencapai 1.25 kilogram pada tahun lalu.

Situasi itu menyaksikan penduduk negara ini menjana 30,000 hingga 33,000 tan sampah sehari.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah Mohamed Sadique, berkata tahun lalu, kerajaan membelanjakan RM1.2 bilion bagi tujuan pengurusan sampah.

**Hadapi 7 tahun lebih awal**  
Beliau berkata, angka itu pada asalnya menjadi jangkaan untuk 2020, namun dihadapi tujuh tahun lebih awal.

“Sekarang ini memang kritikal sebab setiap individu secara purata hanya boleh membuang sekitar 0.8kg sampah saja, tidak boleh lebih.

“Jumlah sampah yang semakin meningkat memberi kesan kepada kos pengurusan sisa pepejal, berikutan tapak pelupusan sampah yang semakin terhad, sedangkan bahan buangan semakin banyak,” katanya.

Beliau ditemui selepas melancarkan Kempen Anti Pembuangan Sampah Dari Kenderaan di sini semalam. Kempen kebersihan anjuran Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) itu diadakan sempena Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2014.

Ia bertujuan mendidik pengguna jalan raya supaya tidak membuang sampah merata-rata dari kenderaan masing-masing. Program itu akan